

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir -IPDM
Sent: 22 Mac 2016 8:31
To: UUM - All Staff; UUMstudgroup
Subject: "KELUARGA BAHAGIA, WARGA CERIA" TEMA YANG DIPILIH
Importance: High



22 MAC 2016 / 13 JAMADILAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera Tuan/Puan

HARI KELUARGA IPDM BERTEMAKAN "KELUARGA BAHAGIA, WARGA CERIA"



Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM) buat julung kalinya telah menganjurkan Hari Keluarga 2016 pada 17 Mac 2016 bertempat di Pusat Ekuin, UUM. Program ini dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Kakitangan (KESKEB) IPDM. Semua staf dan pelajar praktikum telah hadir memeriahkan sambutan hari keluarga kali ini.

Hari Keluarga IPDM yang bertemakan 'Keluarga Bahagia, Warga Ceria' diadakan bertujuan untuk mewujudkan satu platform semangat muhibah dan setia kawan. Pengarah IPDM, Yang Berusaha PPJR Dr. Hj. Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, telah menekankan bahawa pentingnya semangat kekeluargaan, kekitaan dan keakraban di kalangan warga kerja IPDM kerana secara tidak langsung ianya dapat melahirkan sikap prihatin, saling hormat-menghormati, bertolak ansur, amanah dan telus di dalam menjalankan tugas seharian. Selain dari aktiviti Barbeque (BBQ) dan makan bersama-sama secara santai, aktiviti kemuncak yang ditunggu-tunggu adalah menunggang kuda.

Pihak penganjur mengharapkan semoga sambutan hari keluarga ini dapat merapatkan lagi ikatan ukhuwah . Adalah menjadi harapan agar sambutan seumpama ini dapat dianjurkan pada tahun akan datang

Sekian.

INSTITUT PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD (IPDM)

Tel: 04-9284845

Fak : 04-9284842

E-mel: ipdm@uum.edu.my

Laman web: www.ipdm.uum.edu.my



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.

